



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 12.

BANDAR BRUNEI, RABU, 17 JUNE, 1959 (11 Zulhijjah, 1378)

PERCHUMA

PERBARISAN HARI JADI QUEEN

Panglima Agong Kunjungi DYMM

BANDAR BRUNEI. — Hari keputeraan Baginda Queen telah disambut di-Brunei pada 13 June ini dengan satu istiadat perbarisan di-padang besar di-hadapan bangunan kerajaan.

Dalam istiadat itu pasokan Polis Brunei telah mengambil bahagian yang utama. Pancharang pasokan itu telah memperdengarkan beberapa buah lagu termasuk lagu kebangsaan British dan Brunei.

Lain2 pasokan dalam perbarisan itu ialah Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri, Pegawai2 Kastam dan Marine.

Murid2 sekolah2 Inggeris, Melayu dan China dengan pakaian sekolah dan pakaian kebangsaan telah turut berbaris.

TABEK KEHOMATAN

Tabek kehormatan telah diberi kepada Duli Yang Maha Mulia dan British Resident, Yang Berhormat Tuan D.C. White sebagai wakil Baginda Queen.

Para hadirin telah di-raikan di-Residency oleh Tuan White dengan minuman ringan dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari.

Hari Keputeraan Baginda Queen itu telah juga disambut dengan satu istiadat perbarisan di-padang Kuala Belait pada petang hari.

Tuan D.C. White, telah memeriksa barisan kehormatan dan menerima tabek di-istiadat tersebut.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam istiadat di-Kuala Belait ialah Pasokan2 Police Brunei, Polis Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak Field Force, Pasokan Keselamatan Padang Minyak Seria, Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.

Sukan seluroh negeri di-Seria

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan sukan seluroh Negeri Brunei di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association akan di-adakan di-Seria pada 4 July.



Panglima Agong, Angkatan Darat British di-Timor Jauh, General Sir Richard Hull telah sampai di-Brunei pada 4 June kerana melawat selama dua hari.

Sa-masa di-Brunei General Hull telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana dan mengadakan rundingan.

General itu telah berlepas ka-Borneo Utara dengan kapal terbang pada 6 June kerana menyaksikan latihan angkatan2 tentera negri2 pertubuhan SEATO yang di-adakan di-laut di-utara Jesselton.

Hukuman gantung pertama ka-atas wanita di-Brunei

KUALA BELAIT.—Balau binti Nyawah telah di-bebaskan dari tuduhan membunuh oleh Tuan Hakim Briggs dalam mahkamah tinggi di-sini pada 12 June.

Balau telah di-tuduh bersama adek perempuan-nya, Aning binti Nyawah, membunuh sa-orang budak perempuan, Phyllis Beverly, pada 8 February lepas.

Mayat Phyllis telah di-jumpai dalam sa-buah tangki negis dekat rumah-nya di-Seria.

Tuan Hakim Briggs tatkala membebaskan Balau berkata bahawa keterangan yang di-bentangkan terhadap Balau tidak cukup untuk menghukum-nya kerana tuduhan itu.

Balau dan Aning telah di-bicarakan bersama dengan dibela oleh dua orang peguam, Tuan A. W. Johnson dan Tuan

Hawkins dari Labuan. Tuan G. C. V. Young Timbalan Penasihat Undang2 Negeri Brunei telah menjadi penda'wa raya.

Dalam perbicaraan itu Aning telah di-dapati salah di-bawah section 203 Undang2 Penal Code dan telah di-kenakan hukuman gantung.

Tuan Hakim Briggs telah dibantu oleh dua pengapit, Tuan Rogers, dari sharikat Borneo Company Kuala Belait dan Tuan Johnson dari sharikat BSP, Seria.

PENJARA KERANA MEMBUNOH

KUALA BELAIT.—Dungai anak Radin, sa-orang perempuan Iban telah di-hukum penjara sa-lama 18 bulan oleh Tuan Hakim Briggs dalam mahkamah tinggi di-sini pada 9 June.

Dungai telah mengaku salah membunuh sa-orang laki2 Iban

Bana anak Gilan dengan niat tidak membunuh.

Pembunuhan itu di-katakan berlaku di-Lubok Tukun, Semburu, Daerah Kuala Belait pada 27 January tahun ini.

Hukuman penjara itu berjalan dari 9 June.

KURNIAN QUEEN KAPADA RESIDENT

BANDAR BRUNEI.—Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident Brunei ialah pegawai Brunei yang tunggal dihormati oleh Baginda Queen pada masa menyambut hari keputeraan baginda pada 13 June ini.

Tuan White telah di-kurniakan bintang C.M.G. ia-itu kurnian yang terbesar sa-kali di-anugerahi kapada pegawai2 dan ra'ayat British di-kawasan British Borneo.

Beberapa tahun dahulu Tuan White telah di-kurniakan bintang O.B.E.

Tuan White berumur 49 tahun telah menjadi pegawai Perkhidmatan Seberang Laut semenjak bulan June 1932 untuk berkhidmat di-Sarawak.



Tuan D. C. White

Beliau telah datang ka-Brunei memangku jawatan British Resident dalam tahun 1956 sa-masa Tuan John Gilbert British Resident berchuti.

Apabila Tuan Gilbert bersara dari jawatan itu beliau telah dilantik menggantikan-nya dalam tahun lepas.

Kaum China na' beri jamuan

BANDAR BRUNEI.—Satu majlis kerana meraikan Duli Yang Maha Mulia dan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri akan di-adakan oleh kaum China Brunei pada 25 June ini, di-dewan Civic Centre di-sini.

Majlis itu ialah kerana mengucapkan shukur atas kejayaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan perlembagaan ka-London dan juga mengucapkan tahniah kaum China atas kurnian bintang2 kebesaran Malaya kapada Duli Yang Maha Mulia.

WAKIL2 BRUNEI UNTUK JAMBORI DUNIA

BANDAR BRUNEI — Enam belas orang pengakap Brunei akan hadir dalam jambori pengakap dunia yang akan di-adakan di-Manila, Filipina dalam bulan July hadapan ini.

Rombongan itu berlepas dari Bandar Brunei ka-Labuan pada 14 July untuk menaiki kapal terbang sharikat penerbangan CPA pada keesokan-nya.

Pengakap2 yang telah di-pilih mewakili Brunei dalam jambori itu ia-lah: Yusof bin Mohamed, Jaya bin Mohamed, Abd bin Awang Damit, dan Ariffin bin Hamidoon dari 1st Brunei (S.M.J.A.), Arthur Andrews, Ak. Ibnu bin Pg. Apong, Zamuddin Marsal, Ak. Tengah, Md. Hassan bin Timbang dan Ramli bin

Md. Said dari 2nd Brunei (SOASC).

Yusof bin Hamid dari 6th Brunei (Pengakap Laut), Abdul Wahab bin Hj. M. Said, Md. Yusof bin Said dan Thani bin Abdul Hamid dari 7th Brunei (SOASC).

Dua orang pengakap sa-orang di-pilih oleh Persatuan Pengakap Brunei dan sa-orang di-pilih oleh Persatuan Pengakap Belait akan mengenakan bilangan rombongan itu.

Dua orang pengakap lain adalah di-jemput memohonkan dua tempat kosong yang telah di-tempah dalam kapal terbang itu untuk menambah bilangan rombongan itu sa-hingga 18 orang.

Pengakap2 itu akan pergi dan balek dengan perbelanjaan sendiri.

Rombongan itu akan berada di-Filipina sa-mala dua minggu. Mereka di-jadualkan balek dengan kapal terbang dari Manila pada 30 July.

Kursus pengakap Brunei

BANDAR BRUNEI. —

Beberapa kursus untuk meninggikan darjah pengakap di-negri ini telah di-uruskan oleh Pesuruh Jaya Urusan Pengakap, Tuan Geof Stevens dalam pertengahan pertama bulan ini. Tuan Stevens telah di-bantu oleh Tuan Ler Spikesley Penolong Timbalan Ketua Perkhemahan dari England.

Mereka itu telah melawat pasokan2 pengakap di-Bandar Brunei dan Seria/Beit.

MURID BOLOT 15 HADIAH HARI IBU BAPA

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang murid laki2 dari darjah VIIA, sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam telah berjaya memenangi 15 hadiah dalam temasha sambutan hari ibu bapa sekolah2 Melayu di-sini.

Murid itu, Mohamed Yusuf bin Mohamed berumur 17 tahun telah memenangi hadiah2 pertunjukan, pertandingan dan perlumbaan laut dan darat.

Beliau telah di-peranakkan di-Kampung Sabah, Bandar Brunei.

Dalam pertunjukan bahagian lukisan sahaja Yusuf telah membolot semua hadiah2 bahagian lukisan pemimpin dunia dan pemandangan. Ia telah mendapat hadiah kedua kerana lukisan poster pelajaran dan hadiah ketiga kerana poster pemandangan.

Sa-lain dari itu Yusuf memenangi hadiah pertama dan ketiga dalam bahagian tulisan Rumi dan hadiah ketiga kerana tulisan Jawi.

Dalam bahagian sukan darat pasokan-nya telah mendapat tempat ketiga dalam lumba lari berganti2 dan dalam sukan laut pula — lumba perahu 8 dan 10 orang pasokan-nya telah memenangi hadiah pertama.

Dalam peraduan pakaian beragama yang di-adakan pada malam aneka warna sambutan hari ibu bapa itu, Yusuf, sa-orang peserta telah mendapat hadiah ketiga.

Semenjak Yusuf memasoki sekolah SMJA dalam tahun 1952 ia telah berjaya dalam peperiksaan hujung tahun dengan mendapat nombor 1 atau 2 tiap2 tahun.

Melayu-China bekerjasama di-sekolah Sg. Liang

SUNGEI LIANG. — Ulang tahun sekolah Chung Lian di-sini telah di-sambut dengan temasha tarian dan nyanyian yang di-persembahkan oleh murid2, laki2 dan perempuan baharu2 ini.

Dalam ranchangan tarian itu murid2 sekolah Melayu Sungai Liang yang berhampiran dengan sekolah Chung Lian telah turut memberi sumbangan dengan tarian2 dan nyanyian Melayu.

Temasha itu telah di-anjarkan oleh jawatan kuasa sekolah dan ibu bapa dan telah di-hadiri oleh pembesar2 tempatan, termasuk Orang Kaya Rimba, Penghulu Kampung Sungai Liang dan Ketua Anak Adom dari Kampung Lumut.

Guru2 Melayu dari sekolah Melayu Sungai Liang telah juga hadir memberi bantuan dan kerjasama mereka dalam ranchangan sambutan itu.

Dalam jamuan makan tengah hari kira2 550 orang tetamu telah hadir.

Guru Besar, Tuan C. Soong Fook berkata bahawa beliau berasa puas hati atas layanan kerajaan yang telah mengadakan pelajaran Melayu di-sekolah tersebut.

Beliau berharap agar jawatan kuasa dan ibu bapa menggalakkan anak2 mereka dalam usaha mencapai kemajuan dan meningkatkan mutu kebangsaan.

Upacara menyampaikan hadiah telah juga di-langsungkan pada hari menyambut ulang tahun itu.

Hadiah kerana kejayaan dalam bahasa Melayu, ia-itu sa-buah piala perak daripada Chegu A. Rahman, telah di-menangi oleh Liew Nam Song.

PELAJARAN INGGERIS MASEH RENDAH DI-BRUNEI — PAKAR

BANDAR BRUNEI. — Murid2 Brunei ada-lah di-nasihatkan oleh sa-orang pakar pelajaran, Tuan J. C. Jones, Ketua Penasihat Pelajaran Teknikal di-Pejabat Tanah Jajahan, London, supaya bersungguh2 mempelelari bahasa Inggeris jika mereka hendak menjadi peguam, doktor, jurutera dan lain2 jurusan mata pencharian.

Tuan Jones telah berada di-sini hampir sa-bulan lama-nya kerana memerhatikan chara2 pelajaran teknikal di-ajar disekolah2 Brunei. Beliau telah balek ka-London baharu2 ini.

Sa-masa di-sini Tuan Jones telah mendapati bahawa darjah pelajaran Inggeris di-sekolah2 Negeri Brunei belum lagi boleh di-jadikan asas bagi murid2 yang hendak menjadi peguam, doktor atau jurutera.

Tuan Jones berkata bahawa pendapat-nya atas chara2 pelajaran teknikal di-perkembangkan di-sekolah2 negeri ini akan di-sampaikan kepada kerajaan dalam satu penyata.

Sementara itu beliau menandatangani supaya Brunei membentok satu lembaga teknikal yang di-fikirkan-nya mustahak dalam perkembangan negeri pada masa ini.

Tujuan lembaga itu ia-lah

Berkabong di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Bendera2 di-pejabat2 kerajaan telah di-kibarkan sa-tengah tiang pada 6 June sa-bagai tanda berkabong atas kemangkatan Almerhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor.

Almerhum itu telah di-makamkan di-Johor Baharu.

membuat persediaan dan melateh bakal2 ahli teknik sa-belum penuntut2 yang layak di-hantar ka-sebarang laut untuk mendapatkan latehan yang lebeh tinggi.

SANDIWARA MELAYU-CHINA DI-SEKOLAH CHINA



Murid2 dan guru2 Melayu dari Sekolah Melayu Sungai Liang telah bersama mengambil bahagian dengan murid2 China dari Sekolah China Chung Liang apabila sekolah China itu mengadakan hari ibu bapa-nya baharu2 ini.

Lebeh 550 tetamu dari bangsa Melayu dan China telah hadir dalam majlis makan tengah hari yang di-adakan oleh jawatan kuasa sekolah tersebut.

SEKOLAH2 TEMASHA HARI IBU BAPA

MELAYU BERLUMBA2 MENGADAKAN



Hari ibu bapa tahun ini bagi tiga buah sekolah Melah Melayu, Bandar Brunei, S.M.J.A., S.M.L.M. dan R.I.F. telah dilangsungkan dengan mengadakan sukan antara murid2. Di-atas kelihatan murid2 yang mengambil bahagian dalam sukan yang di-adakan di-padang di-hadapan bangunan kerajaan.



dang sibok membuat persediaan2 dan persiapan2 untuk sambutan itu.

Kiri: Murid2 perempuan memegang gelas yang telah di-isi ayer sa-belum perlumbaan lari membawa ayer dalam gelas di-jalankan. Kanan: Kueh dan masakan2 murid2 telah di-pamerkan pada masa menyambut hari ibu bapa.

Achara2 di-adakan pada tiap2 sekolah dalam sambutan hari ibu bapa ini ada-lah tergantung atas ke-sanggupan sa-buah sekolah itu.

MURID DAN IBU BAPA

Sa-tengah2-nya mengadakan pertunjukan2 dalam sekolah, sukan laut dan darat, malam aneka warna dan malam ugama dengan mengadakan peraduan2 membacha Quoran dan sharahan ugama.

Temasha hari ibu bapa ini bukan-lah di-ertikan bulat2 sambutan tahunan bagi sa-sabua sekolah. Erti-nya kepada murid2, guru2 dan para ibu bapa, dan kepada seluroh-nya adalah besar dan berkesan. Hari ibu bapa ada mempunyai erti yang luas antara perhubungan murid dan ibu bapa, guru dan orang ramai.

Pertunjukan2 dalam sekolah ada-lah terdiri dari hasil2 pertukangan dan kebolehan murid2 dan juga orang2 kampung.

Bagitu juga dalam achara2 pertandingan, peraduan dan per-



lawan dalam bahagian sukan bukan-lah hanya di-khaskan untuk murid2. Orang ramai juga ada-lah di-jemput dan di-pelawa mengambil bahagian.

Dalam temasha ini-lah juga dapat di-lihat erat longgar-nya dan renggang mesra-nya perhu-

Lihat muka 7

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah berjabat tangan dengan sa-orang murid perempuan sa-telah menyampaikan hadiah kepada murid itu.

Sabagaimana sekolah2 lain dalam dunia ini mengadakan temasha2 sukan tahunan, sandiwarra tahunan dan lain2 temasha, sekolah2 Melayu di-Brunei menyambut temasha tahunan-nya dengan mendakan hari ibu bapa.

Temasha mengadakan hari ibu bapa sudah menjadi kelaziman bagi tiap2 sekolah Melayu di-negeri ini pada tiap2 tahun dan biasa-nya di-adakan pada tiap2 penghujung atau awal tahun sa-lepas mengadakan periksaan besar di-sekolah2 itu.

Di-bandingkan dengan achara2 yang di-adakan oleh sekolah2 lain, achara2 dalam temasha hari ibu bapa ada-lah di-sabayakan, tidak saperti satengah2 sekolah mengadakan temasha sukan tahunan atau pertunjukan tahunan berlainan masa-nya.

MALAM ANEKA WARNA

Semua sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei menyambut hari ibu bapa dengan mengadakan temasha2 sukan, malam aneka warna, pertunjukan dan lain-nya itu sa-akan2 sa-rupa chorak-nya biar pun mengambil masa sa-lama diantara 2 hingga tiga hari.

Bagi sekolah2 yang ramai murid2 dan guru2 -nya dan lebeh2 lagi jika sekolah2 itu terletak di-pekann besar, sambutan hari ibu bapa di-adakan dengan meriah dan sa-chara besar2an. Sambutan dari ibu bapa dan orang ramai ada-lah lebeh menarek jika tempat itu mempunyai ramai penduduk2.

Dalam pada itu pula soal kewangan selalu-nya mengambil peranan penting bagi menyelenggarakan sa-suatu perkara dengan lichen.

Tiap2 sekolah sa-belum mengadakan sambutan ini terlebih dahulu menubuhkan satu jawatan kuasa sambutan temasha hari ibu bapa dan badan ini-lah yang menjalankan kerja2 dan persiapan2 hari ibu bapa. Ahli2-nya terdiri dari kalangan guru2 dan ibu bapa.

IBU BAPA MENDERMA

Jawatan kuasa itu meminta ibu bapa menderma kerana perbelanjaan2 melariskan usaha2 dan ke-lengkapan2 untuk mengadakan sambutan itu.

Pejabat Pelajaran juga mengeluarkan bantuan tetap kepada semua sekolah tiap2 tahun, mengikut bilangan murid2 di-sekolah2 itu.

Hampir semua dari 51 buah sekolah2 Melayu di-Brunei ini sudah mengadakan sambutan hari ibu bapa bagi tahun ini. Sekolah2 yang belum mengadakan-nya se-

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

RABU, 17 JUNE, 1959.

SIHAT BADAN**AFIAT****FIKIRAN**

Kesihatan ada-lah satu perkara yang sangat di-utamakan oleh Kerajaan Negeri Brunei yang sentiasa merencanakan kemudahan2 perubatan supaya penduduk2 negeri ini terdiri dari ra'ayat yang dapat di-banggakan kesihatan-nya.

Kerana menjaga kesihatan ra'ayat perbelanjaan lebih dari \$14 juta untuk membina dua buah rumah sakit baharu yang serba lengkap, sa-buah di-Bandar Brunei dan sa-buah lagi di-Kuala Belait, telah di-persetujukan. Rumah sakit di-Bandar Brunei itu akan memakan belanja lebih dari \$9 juta apabila siap kelak.

Dalam pada itu pehak perubatan negeri ini sedang bergiat hendak menchegeh kejadian penyakit batuk kering yang di-katakan berlaku lebih dari yang di-dapati di-kebanyakan negeri2 di-dunia ini.

Sa-ramai delapan orang antara 100 orang pekerja di-sa-tengah2 pejabat Kerajaan Brunei telah di-dapati menghidap penyakit tersebut. Angka ini sangat besar dan bilangan orang2 yang menghidap penyakit itu ada-lah lebih tinggi antara orang2 yang berumur lebih dari 45 tahun.

Penyakit yang dahshat dan mudah berjangkit itu boleh di-hapuskan dengan syarat ra'ayat bekerja sama dalam gerakan menchegeh penyakit tersebut.

Gerakan itu tidak mengganggu kesenangan ra'ayat kerana mereka tidak terpaksa datang ka-rumah sakit untuk mengetahui sama ada menghidap penyakit batuk kering atau pun tidak.

Ra'ayat akan di-kunjongi oleh satu rombongan perubatan. Rombongan itu akan mengadakan penyiasatan atas kesihatan ra'ayat di-kampung2 dan ra'ayat yang di-dapati menghidap penyakit batuk kering itu bukan sahaja akan di-ubat dan di-rawat dengan perchu-ma sa-hingga semboh, tetapi mereka akan mendapat bantuan wang daripada kerajaan supaya dalam masa rawatan orang2 yang menghidap penyakit itu tidak menaruh perasaan bimbang atas keselamatan anak isteri mereka.

Gerakan Xray yang akan di-lancarkan sa-chara besar2an itu akan di-mulakan di-Kampung Sabah Ujong pada pagi hari Juma'at ini sudah sa-patut-nya di-sambut baik oleh ra'ayat.

Dengan datang beramai2 menemui rombongan Xray itu mereka akan mengetahui kesihatan masing2 dan dengan di-rawat di-rumah sakit jika di-perlukan kelak, mereka akan menyelamatkan anak isteri yang sihat dari serangan penyakit batuk kering.

"Lama hidup banyak di-rasa, jauh berjalan luas pemandangan"

PENGAMALAN DI-AMERIKA

SHARIKAT

Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negeri Brunei yang telah balek dari satu lawatan ka-Amerika Sharikat pada hujung bulan lepas memberi pandangan-nya sa-chara sa-pintas lalu atas kunjongan-nya ka-negeri itu.

Pengiran Yusuf telah pergi ka-Amerika Sharikat dari London dengan perbelanjaan Kerajaan Amerika Sharikat.

Beliau telah bertolak dari Brunei dalam pertengahan bulan March dengan kapal terbang bersama dengan Duli Yang Maha Mulia dan ahli2 rombongan perlembagaan Brunei kerana mengambil bahagian dalam rundingan yang di-adakan di-London dengan wakil2 Kerajaan British.

Beliau terus menerus terbang arah ka-barat dari satu tempat ka-satu tempat lain dan akhir-nya telah sampai balek ka-Brunei ia-itu bukan-nya sahaja beliau telah melawat ka-Amerika Sharikat tetapi telah mengelilingi dunia. Perjalanan itu mengambil masa sa-lama 70 hari.

Dengan perjalanan itu Pengiran Yusuf telah dapat mengetahui kebenaran kata orang tua2: Lama hidup banyak di-rasa, jauh berjalan luas pemandangan.

Pemandangan dan pengalaman yang di-dapati-nya dalam perantaraan-nya itu ada-lah perkara yang sangat berguna untuk di-jadikan panduan dalam pemerintahan dan kebajikan masyarakat.

Berkenaan dengan Amerika Sharikat beliau berkata: "Negeri itu ada-lah sa-buah negara besar yang merupakan negara segala bangsa di-dunia ini.

"Bangsa Amerikan terdiri dari beberapa bangsa dari Eropah dari England, dari Asia Timor dan juga dari Asia. Mereka itu hidup merupakan satu bangsa Amerikan".

Sa-lanjut-nya Pengiran Yusuf berkata:

"Dalam lawatan saya ka-beberapa buah bandar besar2 mithal-nya Washington, D.C. New York City, Buffalo, Chicago, San Francisco, saya telah mendapat kesempatan bergaul dengan ra'ayat jelata Amerika dan juga berjumpa dengan beberapa orang pegawai yang bertanggung jawab dalam pemerintahan Amerika Sharikat.

"Sa-lama saya berada di-Amerika saya telah di-beri peluang sa-luas2-nya memerhati-

kan perkara2 yang perlu dan mustahak. Saya telah melawat sekolah2, dari sekolah rendah ka-sekolah menengah, sekolah tinggi, kolej dan university2 dimana saya telah melihat berbagai2 chara pendidikan dan la-teman yang menarek perhatian.

"Sa-masa saya di-Washington D.C. saya berpeluang melawat White House, ia-itu Istana Presiden dan menyaksikan dewan Senate dalam persidangan.

"Di-New York dengan panduan sa-orang pegawai dari Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu saya telah melawat Bangsa2 Bersatu dan menaiki Empire State Building, bangunan yang tinggi sa-kali dalam dunia.

"Bangsa Amerikan yang berasal dari berbagai2 bangsa itu sangat mengutamakan ilmu pengetahuan dan sangat rajin menyasiasat dan bekerja dalam segala lapangan.

"Semangat yang demikian itu, saya rasa, ada-lah satu2 sebab yang menjadikan Amerika lekas maju dalam hal tamadun dan kemajuan yang besar untuk kebahagiaan bangsa Amerikan khas-nya dan dunia am-nya.

"Dalam perkara ugama mithal-nya, orang2 Amerikan itu berlainan pandangan-nya atas ugama dari kita orang2 Melayu. Orang2 Amerikan yang memeluk ugama Islam itu bersungguh2 menuntut dan mempelajari ugama Islam. Mereka itu bergerak mengikut didekan dan ajaran ugama Islam.

"Saya telah berjumpa beberapa orang Amerikan yang berugama Islam. Mereka itu semua-nya menunjukkan perasaan Islam dan memberi kesempatan yang mengembirakan saudara2 Islam dari luar negeri yang datang ka-Amerika Sharikat.

"Di-Assilmo, sa-buah bandar di-California, saya telah mendapat peluang menghadiri satu mesuarat yang di-namakan "World Affairs Conference" (Meshauat Hal Ahwal Dunia).

"Para peserta dalam mesuarat itu terdiri dari beberapa orang ahli pidato yang bijak dan pandai memberi sharahan atas beberapa hal dunia terutama-nya berkenaan dengan perkara2 mengenai Asia dan Afrika yang pada masa ini mendapat perhatian istimewa persidangan itu.

"Pensharah2 itu datang bukan sahaja dari Amerika Sharikat bahkan dari lain2 negeri.

Tom Mboya, sa-orang bangsa Afrika yang maseh muda telah datang bersharah dalam persidangan itu dalam perjalanan-nya melawat Amerika Sharikat dan Amerika Selatan. Duta2 negeri asing di-Amerika ada-lah antara2 pensharah2 yang giat mengambil bahagian dalam persidangan tersebut.

"Mereka itu semua-nya memberi sharahan mengenai kemajuan hal dunia.

"Antara pensharah2 Amerikan pula saya telah mendapat peluang mendengar Senator Kennedy, salah sa-orang bakal chalon President Amerika Sharikat yang akan datang berpidato dalam Persidangan Hal Ahwal Dunia itu.

"Dalam mengikuti persidangan itu saya merasa beruntung kerana dapat melihat bagaimana keras-nya semangat pensharah2 berkehendakkan keamanan di-seluruh dunia. Ini ada-lah satu pengalaman yang sangat saya hargakan dalam lawatan saya ka-Amerika Sharikat itu."

Dari Amerika Sharikat Pengiran Yusuf telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang. Beliau telah singgah di-beberapa tempat seperti Hawaii Jepun, Hongkong dan Bangkok.

Hawaii, ia-itu suatu gugusan pulau2 di-Lauatn Pasifik telah di-jadikan Negara Amerika Sharikat yang ke-50 baharu2 ini.

"Penduduk2 Hawaii sama juga-lah keadaan-nya hampir sa-rupa dengan penduduk2 gugusan pulau2 Melayu," kata beliau.

"Mengikut adat resam penduduk2 Hawaii, siapa juga orang yang baharu datang kapulau2 Hawaii, mereka ada-lah di-beri tanda selamat dengan mengalong bunga dan ucapan "Aloha" kepada pelawat itu.

"Ucapan itu boleh di-maanakan selamat datang, selamat belayar, selamat kembali dan lain2 maana yang di-maksudkan.

"Pulau2 itu di-duduki oleh beberapa bangsa yang semua-nya ta'at setia kepada pulau2 yang menjadi negara mereka itu. Bangsa2 itu telah bersama membina pulau itu ka-arrah kemajuan dunia yang bertamadun. Sekarang Hawaii sering menjadi sebutan sa-bagai shorga dari Pasifik.

"Sungguh pun kita selalu melihat gambar orang2 Hawaii menarikan "hula-hula" dance dengan pakaian asli mereka tetapi tarian itu bukan merupakan kehidupan sa-hari2 mereka. Penduduk2 Hawaii pada masa ini bergerak maju mengikut

(Lihat muka 8)

Persediaan menyambut Yang di-Pertuan Agong

BANDAR BRUNEI. — Persediaan2 kerana menyambut kedatangan Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang di-uruskan di-Brunei.

Satu jawatan kuasa agong dengan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha menjadi pengerusi-nya telah di-bentuk untuk menguruskan acara2 lawatan Diraja itu.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong serta pengiring2 baginda akan berada di-Brunei hanya beberapa hari sahaja sa-bagai tetamu negara.

Baginda di-jadualkan sampai di-sini sa-belum pertengahan bulan nadapan.

Lawatan itu ia-lah balasan kepada lawatan Duli Yang Maha Mulia ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini dan membuktikan bahawa tali persaudaraan kedua-dua negeri itu ada-lah erat dan kuat.

Jawatan kuasa agong itu pula telah membentok beberapa buah jawatankuasa2 kecil untuk merancangkan acara2 sambutan supaya ra'ayat mendapat kesempatan menunjukkan perasaan muhibbah mereka terhadap saudara2 mereka dari Tanah Melayu.

Sa-lain dari di-ra'ikan di-Istana Darul Hana di-mana Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong akan bersemayam sa-lama berada di-negeri ini, baginda akan dapat menyaksikan kebudayaan dan kesenian Melayu Brunei.

Jawatan kuasa itu akan menguruskan tarian, panchak silat, dan lain2 permainan yang di-banggakan di-negeri ini.

Seri Paduka itu akan juga melawat padang minyak Seria dan menyaksikan bagaimana perusahaan minyak negeri ini di-uruskan.

Jepun perlukan gas Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang ahli rombongan perusahaan Jepun yang sedang memerhatikan kemungkinan mendirikan perusahaan di-kawasan British Borneo telah sampai di-sini dalam minggu lepas.

Mereka itu ia-lah Tuan Mitzuso Kinno, pengarah Teikoku Oil Company dan penolong-nya, Tuan Junichi Aiba.

Tuan Kinno berkata beliau akan berunding dengan pehak yang berkuasa sharikat BSP. Seria berkenaan dengan chadangan-nya hendak membeli gas dari sharikat itu.

Sharikat Teikoku Oil Company itu kata Tuan Kinno lagi, berharap akan mendapat kebenaran menggali minyak di-kawasan British Borneo.

Minyak dan gas sangat di-perlukan oleh Jepun dalam lapangan perusahaan negeri itu.

JAMUAN SHUKOR DARIPADA RA'AYAT

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia akan menchemarkan duli ka-Tutong pada 2 June ini kerana hadhir dalam majlis jamuan yang akan di-adakan oleh ra'ayat baginda di-daerah ini.

Majlis itu di-anjarkan oleh ahli2 Majlis Meshuarat Daerah, penghulu2 dan ketua2 kampung kerana menguchapkan shukor atas kejayaan baginda dan rombongan perlembagaan Brunei dalam rundingan dengan wakil2 British di-London dalam bulan March dan April tahun ini.

Majlis itu akan di-adakan di-sekolah Melayu Muda Hashim, Bandar Tutong.

PERTIMBANGAN PERNIAGAAN SUKU TAHUN PERTAMA MENGGALAKKAN

BANDAR BRUNEI. — Pertimbangan perniagaan Negeri Brunei bagi suku pertama tahun ini telah berakhir dengan export lebih dari import sa-banyak \$66,794,391.

Export yang berjumlah \$85,168,350 itu ia-lah kebanyakan-nya hasil minyak sa-banyak \$75,382,986 ia-itu harga atas 1,312,115 tan.

Film2 wayang gambar yang di-bawa masuk dan di-export sa-telah di-pertunjokkan di-negeri ini mengambil tempat kedua dalam senarai export negeri dengan harga \$5,551,170.

Export getah sa-banyak 888,764 paun dalam suku pertama tahun ini berharga \$719,022.

Berkeana import pula, barang2 makanan dari luar negeri ada-lah benda2 yang sangat di-perlukan oleh penduduk2 negeri ini.

Beras sa-banyak 24,937 pikul berharga \$661,459 dan bermacham2 daging berharga \$383,986 telah dibawa masuk.

Kurnian sijil kehormatan

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penduduk Negeri Brunei, Inche Yunus bin Wali ia-lah antara orang2 yang telah mendapat kurnian hari keputeraan Baginda Queen pada 13 June.

Inche Yunus telah di-kurniakan sijil kehormatan oleh Gabnor Borneo Utara.

Beliau telah bersara baharu2 ini dari perkhidmatan Kerajaan Borneo Utara sa-telah berkhidmat di-Pejabat Pelajaran.

Daftar Haji tahun hadapan

BANDAR BRUNEI. — Daftar permohonan kerana hendak naik haji dalam tahun hadapan telah di-buka di-Pejabat Ketua Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei untuk menentukan bilangan jemaah haji yang akan datang.

Bakal2 haji itu di-minta membuat permohonan dengan segera supaya jadual pelayaran kapal dapat di-uruskan oleh Pegawai Penguasa Haji.

Permohonon hendak-lah di-sampaikan dalam borang yang di-sediakan oleh Pejabat Ugama tidak lewat dari 1 November. Borang itu boleh di-dapati dari Pejabat Ugama dan Pejabat2 Kadhi Belait, Tutong dan Temburong.

Segala permohonan yang di-terima lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayari.

BEBAS DARI TUDOHAN MEMBUNOH

BANDAR BRUNEI. — George Edward Muriel yang telah di-tudoh membunuh sa-orang budak laki2 China, Goh Chai Hing, telah di-bebaskan dari tuduhan oleh Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe, dalam mahkamah Brunei pada 8 June.

Muriel telah di-bebaskan kerana keterangan atas tuduhan itu tidak di-dapati oleh Polis.

Goh, berumur 9 tahun telah di-dapati terbunuh pada 5 January tahun ini dalam belukar dekat sekolah St. George's School di-sini.

Muriel telah di-tahan di-penjara Jerudong pada 5 January di-bawah Undang2 Imigresen dan kemudian-nya di-tudoh membunuh sa-telah di-adakan penyiasatan atas kematian Goh.

Sa-baik sahaja Muriel di-bebaskan dari tuduhan bunuh dia telah di-bawa balek ka-penjara Jerudong di-bawah Undang2 Imigresen untuk di-tahan sahingga ia di-hantar balek ka-India.

Jurulateh dari Amerika

BANDAR BRUNEI. — Tom Rosandich, sa-orang pelateh sukan yang terkenal dari Amerika yang telah mengajar ramai peminat2 sukan di-negeri ini pada tahun lalu akan sa-kali lagi melawat ka-Brunei.

Menurut satu ranchangan yang telah di-tetapkan, Tom Rosandich akan tiba di-Bandar Brunei pada hari Ithnin 29 June.

Beliau akan mengadakan kursus2 latehan kepada peminat2 sukan tempatan sa-lama empat hari mulai hari Thalatha 30 June. Dari hari Sabtu 4 July hingga hari Rabu 8 July beliau akan mengadakan kursus latehan tersebut di-kawasan Kuala Belait.

SUSUNAN ATAS PERTADBIRAN

KUALA LUMPUR. — Dua orang pegawai kanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah terbang ka-Brunei dengan kapal terbang pada 9 June kerana menasihatkan kerajaan atas perkara2 yang bersangkutan dengan kaki tangan kerajaan dan susunan pejabat kerajaan.

Pegawai2 itu ia-lah Timbalan Pengerusi Lembaga Electric Pusat, Dato Osman bin Talib dan Penolong Setiausaha (Pejabat Kaki Tangan Persekutuan), Tuan R. Mann.

Mereka itu akan membuat satu laporan dan akan berada di-Brunei sa-lama dua minggu.

Doktor2 dari Australia

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan yang terdiri dari beberapa orang doktor akan sampai di-sini pada 20 August hadapan dari Australia untuk mengubati orang2 yang menghidap penyakit dada.

Mereka itu akan menjalankan beberapa pembelahan yang tidak dapat di-uruskan oleh doktor2 tempatan.

Pembelahan itu memerlukan darah jika hendak mendapat kejayaan.

Dalam satu siaran Pejabat Perubatan Negeri Brunei berkata tabung darah di-rumah sakit Bandar Brunei sangat kekurangan. Pada masa ini hanya 25 orang sahaja telah mendaftarkan diri kerana menderma darah.

Siaran itu menyeru agar penduduk2 negeri ini bermurah hati menjadi penderma darah.

Penderma2 ada-lah di-minta datang ka-makmal rumah sakit itu pada masa bekerja.

Gerakan menchegegah batok kering di-seluruh negeri

BANDAR BRUNEI — Gerakan permulaan kerana menchegegah penyakit batok kering di-seluruh Negeri Brunei yang di-lancarkan pada awal tahun lepas akan di-perbesarkan dalam tahun ini supaya semua penduduk2 negeri ini terkawal dari penyakit itu.

Mengikut siasatan atas kejadian penyakit batok kering yang di-jalankan oleh Pejabat Perubatan Negeri Brunei, 1,500 orang menghidap penyakit batok kering di-kawasan utara Negeri Brunei sahaja.

Tetapi sa-telah siasatan itu di-halusi lagi kejadian penyakit batok kering di-negeri ini adalah mengejutkan kerana, angka orang yang menghidap penyakit batok kering itu meningkat sahingga 8 orang dalam 100 orang di-satengah2 Pejabat Kerajaan.

Penyakit batok kering itu sangat merbahaya kerana ia sangat mudah berjangkit kepada orang2 yang sihat dan tidak menghidap penyakit itu.

BERLUDAHKAN DARAH

Sa-orang yang menghidap penyakit itu dapat di-ketahui dengan tanda2 saperti batok beberapa lama, berludahkan darah, kurus badan, berasa penat lelah, sakit dada dan demam.

Dengan tujuan hendak menchegegah penyakit yang dahshat itu dari merebak lebeh burok lagi di-negeri ini kerajaan telah mengambil keputusan hendak melancarkan gerakan Xray ka-atas semua penduduk2 negeri ini.

Gerakan itu akan di-mulakan pada 19 June ini di-Kampung Sabah Ujong di-Kuala Brunei dan mudek ka-hulu ka-Kampung Ayer di-Bandar Brunei dan lain2 kawasan di-seluruh negeri.

Dalam gerakan mengambil gambar Xray penduduk2 kampung akan di-lawati oleh rombongan Xray itu dengan motobot, feri dan kereta2 yang di-lengkapkan dengan alatan2 Xray untuk mengambil gambar dada dan bahagian dalam badan mereka.

HASIL PEPEREKSaan

Rombongan itu akan memberi tahu hasil peperiksaan itu sa-telah gambar Xray itu di-kaji oleh doktor dalam masa sa-hari dua.

Orang yang di-dapati berat keadaan penyakit-nya akan di-nasihatkan supaya masok rumah sakit untuk di-ubat dan di-rawat. Salama dalam rawatan mereka itu, sama ada laki2 atau perempuan akan mendapat bantuan wang tiap2 bulan daripada kerajaan untuk menyara dan menjaga keluarga mereka.

Bantuan itu berjumlah sahingga \$120 sa-bulan dan sa-kurang2-nya \$70 sa-bulan bagi sa-orang laki2 yang tidak beristeri atau mempunyai anak. Bantuan itu akan di-tambah \$20 sa-bulan jika ia mempunyai isteri dan \$10 sa-bulan kerana sa-orang anak.

Sa-orang isteri yang menghidap penyakit batok kering itu pula akan mendapat bantuan sabanyak \$50 sa-bulan untuk menjaga anak2-nya di-rumah.

Bantuan yang sa-habis2 besar, ia-itu \$120 sa-bulan akan di-bayar kepada sa-orang janda yang mempunyai beberapa orang anak jika ia di-dapati menghidap penyakit batok kering dan terpaksa di-rawat di-rumah sakit.

Gerakan itu di-anggap akan menjadikan Negeri Brunei ini sa-buah negara yang terkecuali penduduk2-nya dari penyakit batok kering.

Mereka itu ada-lah di-minta datang beramai2 menemui rombongan perubatan yang akan datang dengan motobot, feri dan kereta2 yang di-lengkapkan dengan alatan Xray tersebut.

KBRC tewaskan sekolah pertukangan

KUALA BELAIT — Kuala Belait Recreation Club telah mengalihkan Sekolah Pertukangan Seria dengan 36 lari dalam satu perlawanan cricket untuk merebutkan Perisai Winter di-Padang Kuala Belait baharu2 ini.

KEJAYAAN PEMUDI DALAM LAPANGAN PELAJARAN

(Oleh HALIMAH HUSSIN)

BANDAR BRUNEI — Kejayaan wanita Brunei dalam lapangan pelajaran ada-lah satu kemajuan yang susah hendak di-tandingi oleh pemuda negeri ini.

Dua orang gadis negeri ini telah berjaya dua tahun berturut2 mendapat kelulusan yang istimewa dalam peperiksaan di school certificate, ia-itu darjah yang tinggi sa-kali di-sekolah2 Inggeris di-Brunei.

Kejayaan Jusnani binti Lawie dalam tahun 1957 itu telah di-turuti oleh Sino binti Umar yang telah juga mendapat grade pertama dalam peperiksaan tersebut dalam tahun lepas.

Mereka itu telah mengatasi beberapa orang pemuda yang sama2 memasoki peperiksaan tersebut.

Dalam pada itu kaum wanita Brunei ada-lah juga bergerak kaarah taman kemajuan beberapa lapangan lain.

Bilangan murid2 perempuan di-sekolah Melayu atau Inggeris makin lama makin bertambah ramai.

Murid2 yang telah lulus dari sekolah2 itu sekarang ini bersai-

Satu jadual waktu untuk lawatan rombongan itu ka-kampung2 akan di-hebahkan melalui ketua2 kampung dan penghulu2 yang berkenaan.

Penyakit kerongkong sekarang di-atasi

BANDAR BRUNEI —

Serangan penyakit kerongkong ka-atas kanak2 yang berlaku di-sini pada hujung bulan lepas telah di-kawal oleh pihak yang berkuasa pejabat kesihatan.

Penyakit itu telah menyering empat orang kanak2 di-kawasan Tongkadeh. Dua orang daripada-nya telah mati akibat penyakit tersebut.

Semenjak awal bulan ini tidak ada sa-orang kanak2 pun yang menghidap penyakit itu.

Penyakit kerongkong itu boleh di-hindarkan jika kanak2 di-chungkil dengan ubat penyakit kerongkong. Ubat itu di-chungkilkan sa-kali sa-bulan, tiga kali berturut2.

Sa-lain dari mengawal kanak2 dari serangan penyakit kerongkong, ubat itu juga memberi kawalan dari batok kolkol dan kaku mulut.

KEWAJIPAN PEMUDI MENJAGA KESOPANAN

BANDAR BRUNEI — Tiap2 manusia yang hidup di-persada alam ini tentu-lah terlebih dahulu menjaga dan memelihara urusan dirinya sa-belum yang lain supaya ia mendapat kemuliaan dan kebahagiaan dan tidak terjatoh ka-jurang yang merbahaya dan chemar.

Sa-orang itu tidak akan dapat kemuliaan dan kebahagiaan melainkan sa-telah ia dapat menguruskan diri-nya. Ia pesti dengan sa-daya upaya berusaha agar nama-nya dapat di-kenali di-kalangan masharakat bangsa kerana tidak ada sa-orang manusia yang rela nama-nya di-chela dan di-rendahkan.

Tiap2 gadis itu pula mempunyai kewajipan yang mesti di-tunaikan-nya supaya ia hidup berbahagia, selamat dan di-sukai oleh orang ramai.

Kewajipan2 itu berupa kewajipan rohani dan kewajipan jasmani.

Kedua2 kewajipan ini mestilah di-tunaikan dan di-beri hak yang sama. Jika satu sahaja di-tunaikan ta'dapat tidak gadis itu akan di-anggap pinchang dan belum lagi menunaikan kewajipan terhadap diri-nya.

Yang di-katakan kewajipan rohani yang mesti di-tunaikan oleh sa-saorang gadis itu ia-lah menjaga diri dari kechemaran dan menjaukan diri dari membuat perkara yang di-larang saperti menchela, mengata2 orang lain, berdusta dan berchakap bohong.

Sa-saorang gadis itu ada-lah di-sifatkan menunaikan kewajipan jasmani-nya jika ia menjaga kesihatan badan supaya tidak terganggu kewajipan rohani-nya. Jika badan tidak sihat sudah tentu hati tidak senang.

Makan minum hendak-lah di-jaga supaya benda2 yang di-makan itu tidak membahayakan kesihatan badan. Anggota hendak-lah di-gerakkan sa-takat yang sesuai dengan tata tertib kesopanan wanita — Kak Zai.

Meshuarat agong persatuan

BANDAR BRUNEI — Persatuan Brunei Town Amateur Football Association akan mengadakan meshuarat agong tahunannya pada 22 June ini di-Civic Centre di-sini.

Orang ramai ada-lah di-jemput hadir Meshuarat tersebut akan di-mulakan pada pukul 5 petang.

Brunei tewas di-bawah chahaya lampu

KUALA BELAIT. — Kira2 5,000 orang telah menyaksikan satu perlawanan bola sepak di-bawah chahaya lampu di-Padang Kuala Belait pada malam 13 June, 1959 manakala Pasokan Daerah Belait telah mengalahkan Pasokan Daerah Brunei dengan 3 gol berbalas 2.

Perlawanan tersebut telah diadakan di-bawah anjoran Brunei State Amateur Football Association kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident, Brunei telah di-jemput menendang bola untuk memulakan pertandingan itu.

Pasokan Daerah Brunei telah mengejutkan Pasokan Daerah Belait apabila sayap kanan Brunei, Karim Pukul menjaringkan gol yang pertama bagi pasokannya satu minit sa-lepas permainan di-mulakan.

Permainan telah di-jalankan dengan hebat dan penjaga2 gol Brunei dan Belait telah menyelamatkan tendangan2 yang merbahaya. Kira2 10 minit kemudian Brunei telah mendapat satu gol lagi hadiah O. Ragam, yang telah menjaringkan bola ka-dalam gol-nya sendiri.

Tetapi pasokan Belait tidak putus asa dan telah bermain dengan bersungguh2, meskipun pasokan itu telah kalah dengan 2 gol tidak berbalas. Akhir-nya, 5 minit sa-belum tamat pertengahan yang pertama, Dundang forward Belait telah berjaya menjaringkan gol pertama bagi pasokan Belait sa-telah mendapat

hantaran daripada sayap kanan Augustine Jiew.

Pertengahan pertama itu telah berkesudahan dengan Pasokan Daerah Brunei mengalahkan Pasokan Daerah Belait 2 gol berbalas 1.

Tujuh minit sa-sudah permainan di-sambong sa-mula Kuala Belait telah seri dengan Brunei, manakala forward-nya Korting telah menembus masuk ka-dalam kubu pertahanan Brunei dan berjaya menjaringkan gol yang ke-dua.

Kemudian pada pukul 8.40 malam tepat Korting forward

Pasokan Belait telah menjaringkan gol yang telah membawa kemenangan kepada Pasokan Belait.

Meskipun Pasokan Brunei telah beberapa kali membuat serbuan yang hebat, tetapi tidak berjaya.

Tuan Fisher telah mengadilkan perlawanan tersebut.

Pemain2 Pasokan Daerah Belait: M. Railee, Daud Junior, D. Ragam, L. Carrier, Ibrahim Metussin, G. Y. Yapp, Kassim, Korting, A. O. Yapp, Dundang dan Augustine Jiew.

Pemain2 Pasokan Daerah Brunei: Awangku Johari, Ibrahim Yahya, Johnny Marcus, Su Thian, Chegu Ismail, Awang Hussin, Karim Pukul, Baby Chai, Sabtu, Aziz dan Awangku Radin.

KEPUTUSAN SUKAN ANTARA PENUNTUT2

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan sukan antara murid2 sekolah2 Brunei di-bawah anjoran persatuan Brunei Amateur Athletic Association telah di-adakan di-padang sekoiah SOAS College di-sini pada 6 June.

Sa-belas perlumbaan dan pertandingan telah di-adakan. Keputusan2-nya ada-lah seperti berikut:

100 ela terbuka, Masri (BTTC); 100 ela perempuan, Rosalind Wong (St. George's); 100 ela colt, Mohd. Ali bin A. Rahman (SOAS); lompat tinggi, Abu Hanifah (SOAS); lempar peluru colt, Abas bin Umar (SOAS); 440 ela colt, Chin Din Shei (SOAS).

1 batu terbuka, Joseph Chin (SOAS); lompat panjang, Saipon Leman (SOAS); 220 ela colt, Mohd. Ali (SOAS); 220 ela perempuan, Susana Bell (St. George's); 220 ela terbuka, Abdul Momin (BTTC).

Dalam lumba 220' ela perempuan Annie Jiew telah menadakan peta terlebih dahulu dengan diikuti oleh Hosniah Ahmad tetapi kedua2nya menang dengan tidak memenohi syarat.

Recreation kalahkan Panaga

SERIA — Dalam satu perlawanan hockey untuk merebutkan Piala Perak Roberts, Shell Recreation Klab telah mengalahkan Panaga Klab dengan 6 gol tidak berbalas.

Dalam masa pertengahan yang telah menang dengan 5 gol tidak berbalas dan satu gol lagi pada pertama Shell Recreation Klab masa pertengahan yang kedua.

Carrier telah menjaringkan 2 gol, manakala Tony Gaughan, Raja Ahmad, D. Gomez dan D'Costa menjaringkan satu gol sa-orang.

Majlis cheramah

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis cheramah di-bawah anjoran Ikatan Budaya Melayu, Brunei (IBU) telah di-adakan di-dewan Civic Centre, di-sini hari ini.

Cheramah itu di-berikan oleh Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran M. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, yang juga menjadi Yang di-Pertua IBU.

Pengiran Yusof telah memberi pandangan-nya atas lawatan-nya ka-Amerika Sharikat.

SUKAN HARI IBU BAPA



Murid2 laki2 dari sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei kelihatan sedang meneruskan perlawanan lumba lari ikat kaki dalam sambutan hari ibu bapa sekolah2 itu baharu2 ini.

Peluang mengarang cerita dan renchana

BANDAR BRUNEI. — Satu pengadilan atas peraduan mengarang akan di-adakan di-sini sabagai menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43, pada 23 September hadapan.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu peraduan mengarang cerita pendek dan peraduan renchana, terbuka kepada penduduk2 di-seluruh negeri.

Karangan2 atas tajok2 yang di-tetapkan hendak-lah di-alamatkan kepada: Setia Usaha, Bahagian Peraduan2 Mengarang, Bahath, Sharahan dan Membacha Sajak, c/o Jabatan Penerangan Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 30 June, 1959.

PENGIRAN MUDA SAMPAIKAN HADIAH KAPADA PEMENANG2

Dari muka 3

bongan antara sa-sabuah sekolah dengan ibu2 bapa dan murid2.

Kejayaan sa-sabuah sekolah mengadakan sambutan hari ibu bapa itu bukan-lah bergantung bular2 atas kecekapan dan ke-cherdasan guru2, tetapi ada-lah hasil kerjasama dan saling mengerti dan bantu membantu antara guru2 dan ibu bapa serta murid2 sekalian.

Baharu2 ini berturut2 dua hari dalam malam sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei telah mengadakan sambutan hari ibu bapa sekolah2 itu dengan acara2 malam aneka warna, perlumbaan di-ayer, perlumbaan di-padang dan pertunjukan2 di-sekolah.

Sambutan itu di-mulakan dengan perlumbaan di-ayer — lumba perahu dan motor sangkut.

Pada malam-nya di-adakan malam aneka warna dengan persembahan2 lawak jenaka, nyanyian2 dan tarian2 dari murid2 ketiga2 buah sekolah ia-itu sekolah2 Melayu Sultan Mohammed Jamal ul-Alam, Raja Isteri Fatimah dan sekolah Melayu Lela Menchanai.

Sa-panjang sambutan hari ibu bapa itu di-adakan ramai ibu bapa dan orang luar datang menyaksikan-nya.

Dalam temasha pertunjukan barang2 di-sekolah, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanel Bolkiah dan adinda-nya Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, kedua2nya putera Duli Yang Maha Mulia, telah menyaksikan temasha itu.

Duli Pengiran Muda Hassanel Bolkiah telah menyampaikan hadiah2 kepada yang berjaya dalam pertunjukan2 tersebut.

SOAL SULTAN SINGAPURA DI-BINCHANGKAN

SINGAPURA. — Sa-orang pemimpin Melayu di-sini berkata baharu2 ini bahawa orang2 Melayu Singapura hendaklah mengambill keputusan sama ada kerajaan bersultan patut di-tubuhkan samula di-Singapura.

Beliau ia-lah Dato Abdul Hamid bin Jumat, pemimpin Pertubuhan Melayu Bersatu atau UMNO yang menjadi ahli pembangkang dalam Majlis Perhimpunan Undangan Singapura.

Majlis itu sekarang ini dikuasai oleh Parti Tindakan Rakyat atau PETIR di-bawah pimpinan Tuan Lee Kuan Yew yang telah di-angkat menjadi Perdana Menteri Singapura berikutan dengan kejayaan parti-nya dalam pilihan raya yang di-adakan pada 30 May.

Dalam pilihan raya itu PETIR telah memenangi 43 dari 51 kerusi.

Chadangan Dato Hamid itu telah di-buat-nya dalam satu perhimpunan ramai. Beliau berkata: "Sa-orang Melayu akan menjadi Ketua Negara jika kerajaan bersultan di-tubuhkan samula di-Singapura.

JAMINAN KERJASAMA PENUNTUT2 BORNEO

VICTORIA (Australia). — Persatuan penuntut2 Borneo di-sini bersedia memberi bantuan kepada ibu bapa yang berchadang hendak menghantar anak2 mereka ka-Australia kerana memasuki sekolah2 tinggi.

Setiausaha persatuan tersebut, Tuan James Lee berkata persatuan itu telah di-tubuhkan dua tahun dahulu untuk menyatukan penuntut2 dari kawasan2 British Borneo.

Ibu bapa ada-lah di-jemput bertanya kepada persatuan itu, Borneo Students' Association, 103 Williams Road, Prahan, S.I., Victoria, Australia, jika hendak menghantar anak2 mereka menuntut di-Australia.

Tuan Lee berkata bilangan penuntut2 Borneo di-Australia makin lama makin bertambah ramai.

Di-wilayah Victoria sahaja bilangan penuntut2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara berjumlah lebih 100 orang. Kebanyakan daripada mereka itu belajar dengan perbelanjaan sendiri.

Wilayah Victoria telah menjadi tumpuan penuntut2 dari seberang laut semenjak beberapa tahun dahulu.

"Ini ia-lah kerana di-Victoria ada di-dapati beberapa buah sekolah, maktab dan university2 yang memberi pelajaran yang tinggi darjah-nya," kata Tuan Lee.

"Orient Explorer" mulakan tugas

LABUAN —Kapal pelantar pengorek minyak laut sharikat BSP yang di-pesan di-United Kingdom itu telah sampai di-sini pada 4 June sa-telah belayar sa-lama 110 hari dari Southampton, England.

Kapal itu telah di-tunda ka-Labuan dalam pelayaran sa-jauh 10,000 batu lebih kurang oleh sa-buah kapal penunda dan belayar hanya 4 atau lima batu dalam satu jam.

Pelantar itu di-namakan "Orient Explorer" dan telah di-labuhkan di-Ampa Patches, di-mana sa-buah telaga minyak yang jauh dari pantai akan di-korek dari pelantar.

Berat pelantar itu ialah 5,000 tan.

Almerhum Sultan Ibrahim di-makamkan di-Johor

JOHOR BAHRU. — Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah berlepas dari Singapura ka-Brunei pada 7 June dengan kapal terbang Malayan Airways sa-telah hadir dalam istiadat memakamkan Almerhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor.

Baginda di-iringi oleh beberapa orang pembesar Negeri Brunei termasuk Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Datu Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar.

Almerhum itu telah di-gantikan sa-bagai Sultan oleh putera mahkota baginda, Yang Teramat Mulia Tengku Ismail ibnu Sultan Ibrahim.

Tengku Ismail yang berusia 64 tahun itu telah di-ishtiharkan menjadi Sultan sa-baik sahaja jenazah ayahanda-nya di-usong keluar dari Istana.

Almerhum Sultan Johor telah mangkat di-London dalam bulan lepas pada masa baginda berusia 85 tahun dan sa-telah memereh sa-lama 64 tahun.

Jenazah-nya telah di-bawa dengan kapl dari London dan sampai di-Johor Baharu pada 4 June untuk di-makamkan di-Makam Diraja.

Sa-lama jenazah baginda disimpan di-Istana lebih 10,000 orang ra'ayat telah datang memberi kehormatan yang penghabisan kepada baginda.

Dalam istiadat memakamkan itu Raja2 Melayu termasuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkhujong ka-Johor untuk memberi kehormatan yang penghabisan itu.

MENUNTUT DI-JEPUN

(Dari muka 4)

kemajuan Amerika Sharikat. Sa-telah beberapa hari di-Hawaii Pengiran Yusof telah singgah pula di-Tokyo, ibu kota Negeri Jepun di-mana beliau telah menuntut dalam masa perang dunia dahulu dan hampir menjadi mangsa bom Atom yang di-jatuhkan di-Hiroshima oleh tentera bersekutu.

Kota Tokyo telah penuh samula. Penduduk2-nya bergerak hendak mendapatkan kemajuan mengikut keadaan dunia pada masa ini.

"Budi bahasa ra'ayat Jepun tidak kurang baik-nya. Mereka telah memberi saya kesempatan berjumpa dengan beberapa orang pegawai Kerajaan dan orang2 kenamaan dalam lapangan perniagaan," kata Pengiran Yusof.

Dari Tokyo Pengiran Yusof telah terbang ka-Singapura dengan kapal terbang sharikat Japan Air Line, singgah di-Hongkong dan Bangkok.

PEMANDANGAN SA-LEPAS SEMBAHYANG

H
A
R
I
R
A
Y
A
H
A
J
I



Kaum Islam Brunei dengan gembira menyambut hari bahagia. Hari Raya Haji atau korban telah di-sambut dengan kelimat Allah Maha Besar oleh seluruh Muslimin. Gambar di-atas menunjukkan para jema'ah sa-lepas menunaikan sembahyang Hari Raya di-salah sebuah masjid di-negeri ini.